

Industri mega perlu fokus usaha hasilkan sumber makanan negara

- Kedudukan Malaysia dalam ranking Indeks Sekuriti Makanan Global pada 2022 menunjukkan keupayaan negara dalam mengeluarkan makanan sendiri adalah lemah.

- Isu keterjaminan makanan memerlukan kerjasama semua pemegang taruh merangkumi kerajaan sebagai pelaksana dan pembuat dasar, pihak industri, akademia serta masyarakat.



Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Prof Dr Anjas Asmara Samsudin
bhrencana@bh.com.my

Sering kali apabila terjadi sesuatu isu domestik, kita akan cuba mencari punca permasalahan itu. Sekiranya tidak bijak ditangani, timbul golongan mula mencari kesalahan sesetengah pihak tanpa membuat pertimbangan sewajarnya.

Isu keterjaminan makanan bukanlah remeh, sebaliknya bersifat global dan antara punca utama disebabkan keadaan persekitaran tidak lagi kondusif dalam penghasilan produk pertanian untuk makanan manusia.

Perubahan iklim ekstrem menyebabkan banyak produk pertanian tidak dapat dihasilkan dengan baik dan sempurna. Cuaca panas berpanjangan serta hujan lebat hingga banjir antara punca mengganggu ekosistem pertanian untuk sumber makanan negara.

Walaupun tidak mampu dikawal manusia, terdapat beberapa langkah mitigasi boleh dilakukan bagi menjamin penghasilan sumber makanan ini.

Kedudukan Malaysia dalam ranking Indeks Sekuriti Makanan Global pada 2022 adalah pada tangga ke-41 daripada 113 negara dinilai dan menurun berbanding tahun sebelumnya, sekali gus menunjukkan keupayaan negara dalam mengeluarkan makanan sendiri adalah lemah.

Dalam memenuhi keperluan sumber makanan bagi rakyat, negara membelanjakan RM64 bilion produk makanan berbanding nilai eksport barangan kita (RM39 bilion) dengan defisit bernilai RM25 bilion.

Penglibatan semua pemegang taruh dalam rantai penghasilan sumber makanan ini sangat penting dalam membentuk sinergi baik agar keterjaminan makanan negara dapat dijaga untuk jangka panjang.

Sebagai rakyat, sudah tentunya harapan diletakkan sepenuhnya terhadap kerajaan. Namun, tanggapan itu tidak benar bagi isu keterjaminan makanan ini kerana ia memerlukan kerjasama semua pemegang taruh merangkumi kerajaan sebagai pelaksana dan pembuat dasar, pihak industri, akademia serta masyarakat semua.

Kerajaan berperanan untuk melihat semula dasar dan polisi lama serta perlu merangka dasar dan polisi baharu dengan konteks terkini.

Memetik kenyataan Felo Perunding dan Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan, Institut Pertanian dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad dalam akhbar ini Februari lalu, beliau menegaskan polisi perlu bersifat strategik dan dinamik kerana akan mempengaruhi prestasi industri dengan semua pemegang taruh daripada petani, peniaga, pengilang dan pengimport hingga pengguna.

Selain itu, tanggungjawab dan mandat diberikan kepada agensi berkaitan dalam penghasilan sumber makanan negara perlu diperkasakan contohnya peranan agen pengembangan pertanian amat penting membantu pemindahan ilmu dan perlu disampaikan lebih proaktif dan konsisten mengambil kira Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Ini akan membantu usahawan tani meningkatkan hasil pertanian dan pemasaran produk pertanian. Ejen pengembangan pertanian perlulah dilengkapi dengan pemikiran berinovasi dan mempunyai atribut keusa-

hawan supaya situasi sedang dialami usahawan tani dapat difahami lebih mendalam. Contohnya bagaimana mendapatkan hasil pertanian tinggi melalui penggunaan ruang terhad.

Peranan ejen pengembangan pertanian perlu bersifat dinamik dan tidak hanya jumud kepada konsep penyampaian konvensional seperti kursus, ceramah dan bahan cetak. Dengan kemunculan pelbagai teknologi komunikasi terkini seperti platform interaktif, berciri konvergen, digital berangkai dan bercapaian global, seharusnya dimanfaatkan sebaiknya.

Perkasa agensi elak ketirisan

Penyaluran maklumat kepada kelompok sasaran menjadi lebih pantas, tuntas dan jitu. Platform ini turut dapat membantu usahawan tani dalam mempromosikan hasil pertanian dengan lebih baik, sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan terhadap orang tengah.

Ejen pengembangan pertanian juga perlu cakna dengan insentif diumumkan kerajaan, manakala maklumat berkaitan perlu disalurkan dengan tepat kepada usahawan tani terutama di luar bandar agar tiada lapisan tertinggal.

Selain itu juga, pemeraksanaan agensi dalam isu berkaitan penguatkuasaan juga sangat perlu bagi mengelakkan ketirisan agar penghasilan sumber makanan negara dapat ditingkatkan dan terjamin.

Penglibatan pihak industri dalam membantu pengeluaran produk pertanian sebagai sumber makanan negara sangat penting dan signifikan.

Industri mega negara seperti industri minyak dan gas, tenaga serta perladangan komoditi perlu mengorak langkah dengan lebih proaktif dengan mewujudkan anak syarikat memfokuskan penghasilan sumber makanan negara.

Ini dapat dilihat sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada keperluan negara. Industri mega mempunyai keupayaan kewangan tinggi membolehkan pelaburan dilakukan ke atas pembinaan ladang tanaman makanan, penternakan serta akuakultur berkonsep moden dan pintar.

Melalui kaedah ini, penggunaan ruang tanah terhad sudah tidak menjadi halangan. Contohnya, pembinaan kilang tanaman, pertanian vertikal dan pertanian persis (precision farming) dapat meningkatkan

hasil pengeluaran berlipat ganda melalui penggunaan ruang dan bahan input pertanian seperti racun dan baja optimum.

Penglibatan institusi akademia turut dilihat sebagai antara enjin pemangkin dalam keterjaminan makanan. Fungsi institusi ini dalam menghasilkan modal insan terlatih dalam penghasilan sumber makanan negara melalui pendekatan moden dan terkini ditagih pihak industri.

Selain itu, fokus penyelidikan rentas disiplin dalam menjawab kepada isu keterjaminan makanan adalah sangat penting. Melihat kepada perkara ini, UPM kini dalam proses akhir menerbitkan Blueprint Keterjaminan Makanan.

Inisiatif ini bagi menjawab kepada bidang tujahan dan peranan UPM selaku peneraju utama penyelidikan dan pengajaran (R&D) dalam membantu keterjaminan sumber makanan negara.

Inisiatif Blueprint Keterjaminan Makanan ini dibawa Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah.

Dalam pada itu, isu keterjaminan makanan negara ini akan dapat ditangani lebih efisien melalui penglibatan aktif masyarakat dalam memastikan tiada berlaku sebarang pembaziran makanan.

Menurut laporan dikeluarkan Program Persekitaran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP) pada April tahun lalu menunjukkan secara kolektifnya, rakyat di negara ini melakukan pembaziran makanan sebanyak 8.3 juta tan setahun dengan purata 260 kilogram setahun pembaziran dilakukan setiap individu.

Daripada keseluruhan jumlah sisa pepejal ini, sebanyak 76 peratus terdiri daripada sisa tidak boleh dimakan seperti kulit buah dan sisa tulang, manakala selebihnya masih boleh dimakan seperti daging serta sayur-sayuran.

Data juga menunjukkan pengguna isi rumah paling tinggi melakukan pembaziran sisa makanan sebanyak 38 peratus berbanding pasar awam (24 peratus); restoran (23 peratus) dan hotel (7 peratus).

Di sini peranan rakyat dalam menggunakan sumber bahan makanan secara hemat dan berdisiplin dilihat sangat kritikal agar penghasilan produk pertanian dapat dihasilkan secara optimum agar keterjaminan makanan dapat dicapai untuk jangka panjang.

